

Kaji semula akta berkaitan wanita — Ivy

UM 10 SEP 2001

KUALA LUMPUR 9 Sept. — Persamaan hak antara lelaki dan wanita di negara ini seperti yang termaklumlah dalam pindaan Perlembagaan baru-baru ini hanya bermakna jika semua undang-undang berkaitan kedudukan wanita dikaji semula secara komprehensif.

Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Ivy Josiah berkata, kajian juga perlu dilakukan terhadap polisi, amalan serta keberkesanan pelaksanaannya

untuk memastikan pindaan itu mampu dimanfaatkan oleh kaum wanita di negara ini.

“Walaupun Parlimen bersetuju dengan persamaan jantina ia hanya menjadi satu sumbangan jika tidak disertai dengan kajian komprehensif terhadap undang-undang yang berkaitan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Tiada Hak Asasi Manusia Tanpa Hak-hak Wanita pada forum anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) di sini hari ini.

Menurut Ivy, keputusan kerajaan untuk membenarkan seseorang ibu tanpa mengira kaum dan agama menandatangani dokumen berkaitan anak-anak mereka seperti pasport dan pemindahan sekolah merupakan contoh terbaik.

Katanya, walaupun arahan itu telah diumumkan tetapi masih banyak pegawai di Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendidikan yang enggan membenarkan kaum ibu berbuat demikian dan mengemukakan pelbagai soalan kepada mereka.

Beliau turut mencadangkan supaya perkataan ‘bapa/penjaga sah’ dalam dokumen berkenaan dipinda menjadi ‘penjaga’.

Sementara itu, Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, pesakit AIDS mempunyai hak untuk mendapat kemudahan perubatan sama seperti rakyat biasa.

Beliau yang membentangkan kertas kerja bertajuk HIV/AIDS dan Hak Asasi Manusia kesal kerana masih ada pihak yang mengamalkan sikap diskriminasi terhadap pesakit AIDS sehingga menyebabkan ada kalangan mereka yang tidak mendapat kemudahan perubatan.

Marina mengambil contoh seorang wanita yang mengandung dan disahkan HIV positif dinafikan pelbagai hak termasuk segera menjalani pembedahan dan menggunakan alat pemerah susu.